

KAJANG: Penduduk Taman Desa Impian dekat sini bimbang dengan keadaan tebing runtuh di Sungai Kantan, berdekatan dengan perangkap sampah yang semakin teruk dan merosakkan bahu jalan.

Tinjauan mendapati runtuhan tebing sungai berdekatan rumah penduduk semakin teruk menyebabkan bahu jalan di kawasan itu semakin sempit dan membahayakan pengguna terutama pada waktu malam.

Penduduk mendakwa, runtuhan tebing itu berpunca daripada keadaan Sungai Kantan yang semakin cetek dan tidak dapat menampung aliran air dari longkang besar yang datang dari beberapa taman perumahan berdekatan.

Menurut mereka, keadaan bertambah kritikal apabila musim hujan beberapa bulan lalu kerana air sungai melimpah ke atas jalan menjadikan struktur tanah lemah dan mudah runtuh.

Tinjauan juga mendapati bahu jalan yang terhakis itu mengakibatkan timbunan tanah dan batu ke dalam sungai yang menyukarkan pengaliran air.

Hakisan pada tebing itu turut meruntuhkan struktur konkrit yang dibina berdekatan perangkap sampah di situ dan menumbangkan beberapa tiang elektrik di tepi jalan berkenaan.

TEBING Sungai Kantan di Taman Desa Impian, Kajang yang semakin teruk dihakis.

Tebing runtuh merebak ke bahu jalan

Sungai cetek tak berupaya tampung aliran air longkang besar

Lebih membimbangkan lokasi hakisan itu hanya terletak beberapa meter dari rumah penduduk dan boleh mengundang masalah besar pada masa hadapan.

Aminah Moknin, 38, berkata bahu jalan yang runtuh itu semakin serius sejak beberapa bulan ini dan ia membahayakan penduduk kerana tiada

tanda amaran diletakkan.

Katanya, penyelesaian terbaik mengatasi masalah itu ialah dengan menambak tebing terhakis itu menggunakan konkrit atau batu.

"Keadaan itu merisaukan kami memandangkan ia dekat dengan rumah penduduk dan berharap supaya tindakan segera diambil bagi menge-

lakkan kejadian tidak diingini," katanya yang setiap hari berulang-alik melalui jalan itu ke tempat kerja.

Peniaga yang juga penduduk di situ, Faizul Ghani, 34, berkata hakisan itu pada mulanya tidak serius tetapi lama-kelamaan semakin teruk menyebabkan beberapa tiang elektrik turut tumbang.

Katanya, masalah itu pernah diadakan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), namun sehingga kini tiada tindakan diambil.

"Saya bimbang jika masalah itu tidak diselesaikan, ia boleh menimbulkan masalah lain kepada penduduk seperti limpahan air sungai ketika musim hujan," katanya.



SAMADI AHMAD/BERITA HARIAN